



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

SIARAN MEDIA

**PERKHIDMATAN KAUNSELING SEBAGAI SISTEM SOKONGAN
PSIKOLOGIKAL**

PUTRAJAYA, 3 OKTOBER – Pada tahun ini, **#membudayakankaunseling** telah dipilih sebagai tema bagi Bulan Kaunseling Kebangsaan 2017. Ianya adalah selari dengan hasrat kerajaan dalam mempertingkatkan persepsi positif masyarakat terhadap perkhidmatan kaunseling sebagai sistem sokongan psikologikal dalam masyarakat. Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat bertempat di Dewan Perdana Nur,KPWKM.

Sambutan Bulan Kaunseling Kebangsaan yang diadakan pada bulan Oktober setiap tahun bertujuan untuk membudayakan kaunseling sebagai sistem sokongan dalam masyarakat di samping memartabatkan profesion kaunseling di Malaysia dan ianya diharap dapat membangkit serta mempertingkatkan kesedaran kepada masyarakat umum terhadap kepentingan perkhidmatan kaunseling.

Perkembangan dan pembangunan pesat negara telah mencetuskan kepada kepentingan kesejahteraan psikologikal. Antara faktor yang menyumbang kepada kepentingan kesejahteraan psikologikal pada masa kini antaranya perkembangan pesat teknologi dan industri, sosial, pendidikan dan perubahan dalam moral, kepercayaan dan nilai dalam masyarakat. Faktor ini yang

mempengaruhi gaya hidup masyarakat dan menghasilkan kesan-kesan yang sukar ditangani dalam kehidupan mereka. Oleh itu, kaunselor memainkan peranan yang amat besar, bagi membantu dan membimbing individu dan masyarakat yang sedang menghadapi masalah. Perkhidmatan kaunseling ialah perkhidmatan asas yang diperlukan oleh masyarakat dalam mencapai matlamat mereka.

Menurut YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat dalam ucapan perasmianya berkata "menyedari akan kepentingan kaunseling dalam usaha untuk menyejahterakan masyarakat, **kerajaan telah menggubal dan menguatkuaskan Akta Kaunselor 1998 (Akta 580) sejak Mac 1998**. Hasil daripada penggubalan akta tersebut, Lembaga Kaunselor telah ditubuhkan dan bermula pada tahun 2000 sehingga 31 Ogos 2017, Lembaga Kaunselor telah berjaya mendaftarkan **sejumlah 7,397 orang kaunselor di negara ini. Secara khususnya sejumlah 6,550 orang kaunselor didaftarkan di Semenanjung, manakala 502 orang kaunselor di Sabah dan 329 orang kaunselor di Sarawak.**

Kementerian sentiasa komited untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua kumpulan sasar dan juga masyarakat dan berharap agar penganjuran pada kali ini akan dapat mempertingkatkan kebolehcapaian masyarakat kepada perkhidmatan kaunseling melalui sekalugus mengubah persepsi negatif oleh masyarakat terhadap perkhidmatan kaunseling serta berharap agar matlamat untuk menjadikan perkhidmatan kaunseling sebagai perkhidmatan profesional akan tercapai.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat